

# Panas sejuk politik tanah air

UM - 28/12/2006

Oleh HATA WAHARI  
(WARTAWAN UTUSAN)

PEREBUTAN jawatan Presiden dalam Parti Gerakan dan Timbalan Presiden MIC mewarnai kemelut politik negara pada tahun 2006 malahan perebutan ini yang dipenuhi dengan kempen memburuk-burukkan lawan masing-masing mencemarkan politik negara.

Isu perebutan itu juga berkaitan dengan calon, pilihan Presiden sedangkan penyandang jawatan sejak berbelas tahun mahu 'dibuang' begitu sahaja dari parti.

Presiden Gerakan, Datuk Dr. Seri Lim Keng Yaik yang menerajui parti itu sejak 1980 memenangi perebutan jawatan nombor satu parti itu apabila berjaya mengalahkan anak didiknya yang juga Timbalan Presiden Gerakan, Datuk Kerk Choo Ting.

Keng Yaik sebelum ini terselamat dalam tiga kali perebutan jawatan itu, iaitu 1980, menumpaskan cubaan Datuk Paul Leong (yang pada masa itu Setiausaha Agung), kali kedua pada 1984, beliau menumpaskan cubaan Tan Sri Michael Chen (yang ketika itu Naib Presiden) dan kali ketiga pada 1987 beliau menumpaskan pula cubaan Datuk Goh Cheng Teik yang juga Naib Presiden.

Namun kemenangan Keng Yaik dicemari dengan kedua-dua pemimpin tertinggi Gerakan itu mengeluarkan kata-kata keras seperti apa yang dikatakan

oleh Choo Ting menyifatkan kepimpinan ketuanya umpama 'pemilik syarikat sendirian berhad'.

Kelantangan Choo Ting mengkritik presiden Gerakan itu kerana sikap Keng Yaik yang tanpa berselindung mahukan Naib Presiden, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon sebagai peneraju parti dan penggantian selepas beliau bersara pada tahun depan.

Hasrat Keng Yaik untuk melepaskan jawatan dan meletakkan Tsu Koon sebagai Presiden Gerakan terlaksana juga pada tahun depan atau lebih tepat pada April 2007 apabila Pendaftar Pertubuhan sudah meluluskan pindaan perlembagaan parti bagi membolehkan Timbalan Presiden parti itu, menggantikan Presiden tanpa melalui proses pemilihan parti.

Pemilihan Timbalan Presiden MIC juga mencetuskan gelora dalam masyarakat India apabila presiden parti itu secara terang-terangan mahukan Naib Presiden, Datuk G. Palanivel bertanding untuk jawatan tersebut bagi menentang penyandang jawatan Timbalan Presiden MIC, Datuk S. Subramaniam.

Apa yang menyedihkan budaya memburuk-buruk pemimpin seolah menjadi gaya politik tahun ini, Datuk Seri S. Samy Vellu, Subramaniam serta Palanivel terpaksa berhadapan dengan 'tohman-tohmahan' lawan masing-masing.

Tetapi apa yang menarik dalam pemilihan MIC kali ini ialah khidmat pesanan ringkas (SMS) untuk mengira populariti calon Timbalan Presiden.

Undian itu "Siapa Calon Pilihan Bagi Jawatan Timbalan Presiden MIC" akan menyaksikan orang ramai mengundi sama ada penyandang jawatan, Subramaniam atau Palanivel, yang bertanding jawatan berkenaan.

Namun pemilihan MIC kali ke-20 itu menyaksikan hampir kesemua calon 'pilihan' Samy Vellu mencapai kejayaan termasuk anak didiknya, Palanivel.

Perkara yang paling menyentuh perasaan dalam politik masyarakat India tahun ini ialah selepas 20 tahun Presiden Barisan Progresif India Malaysia (IPF), Datuk M. G. Pandithan yang berbalah dengan Samy Vellu akhirnya pada 1 Oktober menghulurkan salam perdamaian.

Idea penggabungan parti politik juga disuarakan pada tahun ini, apabila Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP), Datuk M. Kayveas pada 19 November mencadangkan supaya PPP dan Gerakan bergabung bagi mempercepatkan hasrat kerajaan untuk mewujudkan bangsa Malaysia.

Kejayaan Barisan Nasional (BN) paling manis tahun ini ialah apabila BN Sarawak berjaya mengekalkan majoriti dua pertiga pada pilihan raya negeri itu 20 Mei lalu.

Daripada sejumlah 71 kerusi Dewan Undangan Negeri Sarawak, BN memenangi 62 kerusi (dua kerusi tanpa bertanding) namun pembangkang memperlihatkan kebangkitan yang baik pada pilihan raya itu apabila memenangi sembilan kerusi iaitu DAP (6) dan masing-ma-

sing satu oleh PKR, SNAP dan Bebas

Isu-isu kecil politik negara namun memberikan kesan besar antaranya, cadangan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat pada 21 Mei agar parti itu membuka keahlian kepada bukan Islam.

Sementara Majlis Tertinggi UMNO pada 28 September membuat keputusan untuk melanjutkan tempoh pemilihan pucuk pimpinan parti itu kepada 18 bulan dari September 2007, bagi memberi laluan pilihan raya umum ke-12 diadakan terlebih dahulu.

Sang Saka Bangsa pula dipilih sebagai nama bendera parti yang sudah mencapai usia 60 tahun pada Perhimpunan Agung UMNO ke-57.

Isu yang paling panas dalam politik negara apabila peratusan ekuiti ekonomi orang Melayu 'dipersoalkan' oleh Parti Gerakan yang mahukan Unit Perancang Ekonomi (EPU) mendedahkan secara telus kaedah kajian yang merekodkan bahawa penguasaan bumiputera dalam ekuiti ekonomi negara hanya sebanyak 18.9 peratus.

Keng Yaik menegaskan dalam kenyataannya bahawa ada sesuatu tidak kena dengan angka tersebut kerana tidak menampakkan sebarang peningkatan berterusan sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada 1970.

Isu ini timbul daripada laporan yang dikeluarkan oleh Institut Kajian Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) yang mendakwa bumiputera telah menguasai 45 peratus ekonomi negara.